

10 JANUARI 2018

Remaja 16 tahun miliki tiga rekod kesalahan dadah ditahan

Remaja 16 tahun miliki tiga rekod kesalahan dadah ditahan

SEBERANG PERAI - Dua lelaki termasuk seorang remaja bawah umur yang menagih dadah ditahan dalam serbuan ke atas sebuah rumah di Kampung Baru Alma, Bukit Mertajam di sini kelmarin.

Ketua Polis Daerah Seberang Perai Tengah, Asisten Komisioner Nik Ros Azhan Nik Ab. Hamid berkata, kedua-dua mereka yang berusia 16 dan 18 tahun dicekup kira-kira pukul 6 petang ketika sedang berada di ruang tamu rumah itu.

"Serbuan itu menemui satu pekot plastik lut sinar mengandungi hablur-hablur kristal disyaki dadah jenis syabu seberat 0.3 gram dan peralatan menghisap dadah.

"Selain itu, pemeriksaan lanjut dalam bilik rumah tersebut turut menjumpai satu rangka motosikal jenis SYM berwarna hitam yang dilaporkan hilang di Bukit Tengah, Bukit Mertajam," katanya.

Menurut Nik Ros Azhan, ujian air kencing yang dilakukan ke atas kedua-dua suspek turut mendapati mereka positif dadah.

"Suspek berusia 16 tahun yang berasal dari Kampung Baru Alma itu mempunyai tiga rekod kesalahan dadah dan dua rekod jenayah manakala remaja lelaki berumur 18 tahun dari Balik Pulau itu mempunyai dua rekod lampau berkaitan dadah," katanya.

Suspek ditahan bagi siasatan lanjut mengikut Seksyen 379A Kanun Keseksan dan Seksyen 12(3) serta Seksyen 15(1) Akta Dadah Berbahaya 1952.



SEORANG remaja berusia 16 tahun (kiri) dan rakannya disyaki penagih dadah ditahan di sebuah rumah di Bukit Mertajam, Seberang Perai kelmarin.